



**PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

TEKS UCAPAN

**YB DR. ZALIHA MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

SEMPENA

**MAJLIS PELANCARAN RASMI LABUAN INTERNATIONAL SEA
CHALLENGE (LISC) DAN PELANCARAN MINGGU PERPADUAN :
KEMBARA PERPADUAN PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN
LABUAN**

26 APRIL 2024

PENTAS UTAMA LISC

Terima kasih pengerusi majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين، والصلاة والسلام على سيدنا محمد

أشرف المرسلين، وعلى آله وصحبه أجمعين

SALUTASI AKAN DISEDIAKAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, pada hari ini kita dapat bersama-sama dalam satu majlis yang cukup bermakna iaitu Majlis Pelancaran Labuan International Sea Challenge (LISC) dan Pelancaran Minggu Perpaduan : Kembara Perpaduan Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan.

2. Di kesempatan ini juga, belum terlambat kiranya untuk saya menzahirkan ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Minal 'Aidin Wal Faizin kepada semua yang hadir dengan iringan doa semoga Ramadan dan Syawal yang kita nikmati menjadikan kita sebagai umat Islam yang sentiasa bersyukur dan bermanfaat dalam hubungan sesama insan serta sudah pasti hubungan kita dengan Allah Azza Wa Jalla.

LABUAN INTERNATIONAL SEA CHALLENGE MASUK PENGANJURAN TAHUN KE-26

Para hadirin yang dihormati sekalian,

3. Labuan merupakan sebuah pulau yang dipanggil sebagai *the pearl of Borneo*. Pelbagai potensi yang saya lihat boleh dilaksanakan di Labuan dalam usaha untuk menjadikan Labuan sebagai tumpuan pelancongan, ekonomi dan pendidikan. Alhamdulillah, beberapa bulan kebelakangan ini, pihak Kerajaan telah memberi perhatian yang agak serius terhadap perkara-perkara asas di Labuan ini.
4. Antara potensi yang dilihat boleh dilaksanakan di Labuan adalah untuk menstrukturkan semula produk-produk pelancongan sedia ada agar lebih menarik dan mendapat perhatian pengunjung, baik domestik mahupun antarabangsa.

5. Sebagai contoh, penganjuran Labuan International Sea Challenge atau LISC yang telah masuk tahun ke-26 penganjurannya ini merupakan salah satu daya tarikan *sport tourism* yang boleh dibanggakan. Penglibatan 11 negara termasuk Malaysia, dengan penyertaan keseluruhan program melebihi 2,000 peserta dalam 17 acara yang dianjurkan ini secara tidak langsung memberi limpahan manfaat ekonomi dan sosio ekonomi kepada penduduk di Labuan.

6. Saya difahamkan, salah satu acara yang dipertandingkan iaitu Cabaran Kayak Mengelilingi Pulau yang akan diadakan pada 28 April 2024 ini menjadi pilihan atlet sukan berkayak sebagai medan pertandingan bagi mendapatkan pengalaman dan latihan persiapan untuk SUKMA dan Sukan SEA. Selain itu, saya turut difahamkan terdapat beberapa acara baharu yang dipertandingkan seperti Coastal Ninja Warrior, Regatta LISC 2024 dan Glamping LISC 2024 bagi menggalakkan lagi penyertaan daripada komuniti Labuan dan peserta dari luar negara.

7. Tahniah saya ucapkan kepada jawatankuasa penganjur yang telah menjayakan penganjuran LISC pada kali ini. Namun begitu, penganjuran LISC pada masa akan datang perlu mencari ruang untuk menambah baik lagi *standard* penganjuran untuk menarik minat lebih ramai lagi peserta dari dalam dan luar negara.

8. Sehubungan itu, saya telah mengarahkan Perbadanan Labuan untuk menyediakan ruang bagi peserta dan orang awam untuk memberi maklum balas baik dari segi aduan, komen mahupun kritikan bagi tujuan penambahbaikan dan peningkatan kualiti penganjuran acara ini pada masa hadapan.

GANDAKAN PROMOSI PELANCONGAN DI LABUAN

9. Seperti yang telah saya sebut sebentar tadi, potensi Labuan ini boleh dibangunkan dengan memberi fokus kepada bidang pelancongan. Namun begitu, potensi-potensi tersebut perlu digilap sebaiknya.
10. Pada zahirnya, Labuan yang merupakan sebuah pulau tropika sudah mempunyai kelebihan dan keunikan yang dapat dimartabatkan sebagai produk tarikan pelancongan. Usaha mempromosi keunikan produk Labuan ini perlu digerakkan secara holistik.
11. Tanggungjawab mempromosi Labuan ini tidak terletak pada agensi Kerajaan semata-mata, malah penduduk di Wilayah Persekutuan Labuan juga perlu bersama-sama mempromosikan keistimewaan yang dimiliki oleh Labuan sebagai sebuah pulau tropika.

12. Tambahan pula, pada tahun hadapan menyaksikan kepengerusian Malaysia dalam ASEAN 2025 dan pada tahun berikutnya pula adalah merupakan Tahun Melawat Malaysia. Kita perlu memastikan bahawa Labuan tidak terkecuali daripada menjadi tumpuan untuk kedua-dua acara penting negara ini.

13. Untuk menghadapi kedua-dua acara penting ini, saya telah mengarahkan Perbadanan Labuan untuk membuat persiapan awal dengan menyediakan ekosistem pelancongan yang baik termasuklah dengan bersedia untuk menerima jumlah pelancong domestik dan antarabangsa serta pada masa yang sama memastikan *tourist experience* diutamakan. Di peringkat Kerajaan, kami sedang berusaha sehabis baik untuk memastikan keperluan asas di Labuan seperti isu air dan elektrik diberi keutamaan yang serius.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

14. Pada malam ini juga, kita bakal melancarkan Minggu Perpaduan : Kembara Perpaduan peringkat Wilayah Persekutuan Labuan yang merupakan simbolik dengan pergerakan kapsul Sambutan Minggu Perpaduan, di mana sambutan tersebut telah bermula dari negeri Sarawak serta dilaksanakan di peringkat nasional.

15. Saya dimaklumkan sepanjang Minggu Perpaduan ini diadakan, pelbagai acara yang melambangkan perpaduan turut diadakan yang menyasarkan ahli-ahli kawasan Kawasan Rukun Tertangga, Sekreteriat Rukun Negara dan Kelab Rukun Negara serta orang awam, seperti program Rumah Kami yang merupakan pameran rumah-rumah etnik, Nostalgia Anak Kampung, Pertandingan Cita Rasa Menu Kami dan banyak lagi.
16. Saya berharap program seperti ini tidak hanya dilaksanakan di Minggu Perpaduan semata-mata malah turut diadakan sepanjang tahun bagi meransang masyarakat supaya berinteraksi antara budaya selaras dengan aspirasi Kerajaan MADANI pada hari ini.

KEUNIKAN PERPADUAN DI MALAYSIA BERI PELUANG INDUSTRI PELANCONGAN BERKEMBANG

Para hadirin yang dimuliakan sekalian,

17. Sebagai sebuah negara yang kaya dengan kepelbagaian budaya, etnik dan agama, Malaysia menawarkan satu landskap budaya yang unik dan menarik yang menjadi daya tarikan kepada pelancong dari serata dunia. Perpaduan adalah merupakan tiang seri utama yang menyokong keindahan pelancongan di Malaysia.

18. Keunikan Malaysia sebagai sebuah negara yang bersatu padu dalam kepelbagaian atau *unity in diversity* telah memberi peluang kepada industri pelancongan untuk berkembang dengan pesat. Pelancong dari pelbagai latar belakang dapat merasai kehangatan dan keindahan kehidupan berbilang budaya yang ada di sini. Ini sekaligus memberi peluang kepada mereka untuk memahami, menghormati dan menghargai kepelbagaian yang ada, menjadikan Malaysia sebagai contoh yang baik bagi dunia dalam mencapai keharmonian dan keamanan.
19. Oleh itu, sebagai rakyat Malaysia, kita perlu bersama-sama terus menjaga dan memelihara semangat perpaduan ini. Kita harus berusaha untuk meneruskan tradisi keharmonian dan toleransi yang telah menjadi satu warisan kita sejak berzaman.

PENUTUP

Para hadirin sekalian,

20. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua agensi Kerajaan, swasta, korporat, persatuan-persatuan yang terlibat dan semua pihak yang telah terlibat bagi memastikan kelancaran program LISC 2024 dan Minggu Perpaduan ini.

21. Dengan lafaz mulia, Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Labuan International Sea Challenge (LISC) 2024 dan Minggu Perpaduan : Kembara Perpaduan Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan.

Sekian.

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.